

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/9/2010

Hanya tercapai jika kerajaan berjaya makmurkan negara - Dr. Mahathir

30/9/2010 - F UM

# Usaha wujud bangsa Malaysia



MAHATHIR MOHAMAD

Oleh NIZAM YATIM  
nizam.yatim@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 29 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha mewujudkan satu bangsa Malaysia hanya akan tercapai sekiranya kerajaan berjaya memakmurkan negara ini.

Beliau berkata, rakyat yang hidup dalam negara maju dengan masing-masing mendapat pekerjaan dan pendapatan yang memuaskan cenderung melupakan asal-usul kaum mereka.

"Soal untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia adalah isu yang rumit kerana semua pihak sekarang lebih berminat untuk berdebat tentang isu kaum masing-masing secara emosional.

"Berdasarkan hakikat ini saya berpendapat kita akan mengambil masa lebih lama sebelum sasaran mewujudkan satu bangsa Malaysia dalam Wawasan 2020 dapat dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Adakah Matlamat Wawasan 2020 Boleh Dicapai?* pada Forum CEO 2010 anjuran Yayasan

Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Menurut beliau, kemakmuran yang dicapai itu juga akan menyebabkan setiap rakyat tidak lagi memperkatakan mengenai perlu atau tidak sesuatu kaum itu diberikan keistimewaan dan lebih banyak peluang.

"Kemakmuran ini akan turut menyebabkan ahli politik tidak lagi boleh menggunakan isu perkauman untuk meraih sokongan terhadap parti masing-masing," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, pertumbuhan ekonomi semasa yang menggalak-

kan mendorong rakyat cenderung untuk mengekalkan kerajaan yang memerintah.

"Ini terbukti pada pilihan raya umum 1999 apabila Barisan Nasional (BN) masih dapat menguasai dua pertiga majoriti di Dewan Rakyat walaupun ada isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ini kerana ahli-ahli perniagaan yang kaya berterima kasih kepada kerajaan BN yang telah membuat penetapan kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat bagi mengelak mereka bankrap," ujarnya.